



From Dedication to Distinction Trienekens Secures PSEA Gold Award

Our Power, Our Planet
— An Earth Day Celebration



Group CEO's Message *Warkah CEO Kumpulan*

Mr. Stephen Chin

Welcome to the latest edition of Madah Kita! As we mark the halfway point of 2025, it's encouraging to reflect on the meaningful strides we've made in our continued commitment to sustainability, innovation, and service excellence.

A major highlight this year is Trienekens receiving the Gold Award under the Large Enterprise and GLC category at the 11th Premier of Sarawak Environmental Award (PSEA). This achievement reflects the dedication and hard work of our team in upholding the highest standards in environmental management. Congratulations to all Trienekens team!

This year's Earth Day theme, "Our Power, Our Planet," is a timely reminder of the role we all play in protecting the environment. We were honoured to collaborate with government agencies and local communities at the Sarawak State-level Earth Day celebration to raise awareness on climate change, the circular economy, and environmental sustainability.

As an innovative service provider, we continually seek new ways to tackle urban waste challenges. One key initiative is the Other Household Waste (OHW) Campaign, which helps the public safely dispose of hazardous items such as used batteries, aerosol cans, and chemical containers—protecting both community health and the environment. At the same time, we see waste as a valuable resource and remain committed to advancing recovery efforts and driving the circular economy.

Internally, we continue to strengthen our safety culture through the enhanced digital Accident Control Technique (ACT) system. This tool promotes open communication, early hazard identification, and proactive risk management. I strongly encourage all staff to make full use of it. Safety must always be a priority, and each of us plays a vital role in maintaining a safe and secure workplace.

To all our team members—thank you for your commitment, creativity, and resilience. Let's remain vigilant, work safely, and keep innovating as we move forward, staying true to our mission to be the trusted partner in environmental management, delivering sustainable solutions for the future.

Selamat datang ke edisi terbaru Madah Kita! Melihat kepada kedudukan kita di separuh pertama 2025 ini, setiap perkembangan yang telah kita capai dalam melaksanakan komitmen berterusan terhadap kelestarian, inovasi dan kecemerlangan perkhidmatan amatlah memberangsangkan.

Antara pencapaian utama tahun ini ialah apabila Trienekens dianugerahkan Anugerah Emas bagi kategori Syarikat Besar dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dalam Anugerah Alam Sekitar Premier Sarawak (PSEA) ke-11. Anugerah berprestij ini mencerminkan dedikasi dan usaha gigih pasukan kita dalam mengekalkan standard tertinggi dalam pengurusan alam sekitar. Tahniah kepada semua warga Trienekens!

Tema Hari Bumi tahun ini, "Kuasa Kita, Planet Kita", mengingatkan kita tentang peranan penting yang perlu dimainkan oleh semua dalam melindungi alam sekitar. Kami berbesar hati dapat bekerjasama dengan agensi kerajaan dan komuniti setempat dalam Sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Sarawak untuk meningkatkan kesedaran mengenai perubahan iklim, ekonomi kitaran dan kelestarian alam sekitar.

Sebagai pembekal perkhidmatan yang inovatif, kami sentiasa mencari kaedah baharu untuk menangani cabaran sisa bandar. Salah satu inisiatif utama ialah Kempen Sisa Domestik Lain (OHW) yang membantu orang awam melupuskan sisa berbahaya seperti bateri terpakai, tin aerosol dan bekas kimia dengan selamat—bagi melindungi kesihatan komuniti serta alam sekitar. Pada masa yang sama, kami menganggap sisa sebagai sumber yang bernilai dan kekal komited untuk mempertingkatkan usaha pemulihan serta memacu ekonomi kitaran.

Dari aspek dalaman, kami terus memperkukuh budaya keselamatan kerja melalui sistem digital Teknik Kawalan Kemalangan (ACT) yang telah dipertingkatkan. Sistem ini menggalakkan komunikasi terbuka, pengesanan awal bahaya, dan pengurusan risiko secara proaktif. Saya menggalakkan semua warga kerja untuk memanfaatkan sistem ini sepenuhnya. Keselamatan harus sentiasa menjadi keutamaan, dan setiap daripada kita memainkan peranan penting dalam memastikan tempat kerja yang selamat dan terjamin.

Kepada semua warga Trienekens—terima kasih atas komitmen, daya kreativiti dan ketahanan anda. Marilah kita terus berwaspada, bekerja dengan selamat dan terus berinovasi selari dengan misi dan visi kita untuk menjadi rakan kongsi dipercayai dalam pengurusan alam sekitar, demi mewujudkan masa depan yang lebih lestari.

CONTENTS / KANDUNGAN

Corporate Affairs / Hal Ehwal Korporat

- Trienekens Wins PSEA Gold Award 02
Trienekens Menangi Anugerah Emas PSEA
- Celebrating Earth Day 2025 - Our Power, Our Planet 03
Menyambut Hari Bumi 2025 - Kuasa Kita, Planet Kita
- Towards ESG Excellence 04
Menuju Kecemerlangan ESG
- Creating a Sustainable Future Together 05
Bersama Wujudkan Masa Depan Lestari

HSE

- Advancing Workplace Safety with the Digital A.C.T. System 07
Meningkatkan Keselamatan di Tempat Kerja dengan Sistem Digital A.C.T.
- Improving Efficiency Through Audits 08
Meningkatkan Kecekapan Melalui Audit

Human Resources / Sumber Manusia

- Smart Money Talk with AKPK 09
Bicara Bijak Wang Bersama AKPK
- Empowering Excellence Through Training 10
Meningkatkan Kecemerlangan Melalui Latihan

Corporate Social Responsibility/ Tanggungjawab Sosial Korporat

- Supporting The Community 13
Menyokong Komuniti

Special Feature / Rencana Khas

- Safe Homes with Smart Disposal of Other Household Waste (OHW) 14
Rumah Selamat Melalui Pelupusan Sisa Domestik Lain (OHW) Bijak

Our People / Rakan Sekerja Kita

- New Team Members / Tenaga Kerja Baru 16

Spot The Difference / Carikan Perbezaan

17

Madah Kita Editorial Team

Advisor / Penasihat:

Stephen Chin

Concept & Editorial / Konsep & Redaksi:

Janet J. Balong

Rebecca Su

Contributors / Penyumbang:

Clare Kho

Doreen Lang

Marilyn Martin

Felicia Raelo

Trienekens Wins PSEA Gold Award

Trienekens Menangi Anugerah Emas PSEA



Trienekens Group CEO, Stephen Chin (second right) and Deputy Group CEO, Elvin Wee (second left) receiving the award from the Deputy Premier of Sarawak and Second Minister for Natural Resources and Urban Development, YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan (centre), accompanied by NREB's Controller of Environmental Quality Sarawak, Datu Jack anak Liam (far left) and SBF's Secretary General, Dato Jonathan Chai Voon Tok (far right).

CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin (kedua kanan) dan Timbalan CEO Kumpulan, Elvin Wee (kedua kiri) menerima anugerah daripada Timbalan Premier Sarawak merangkap Menteri Kedua Sumber Asli dan Pembangunan Bandar, YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan (tengah), diiringi oleh Kontroller Kualiti Alam Sekitar NREB Sarawak, Datu Jack anak Liam (hujung kiri) dan Setiausaha Agung SBF, Dato Jonathan Chai Voon Tok (hujung kanan).

Trienekens clinched the Gold Award under the Large Enterprise and Government-Linked Companies (GLC) category at the prestigious 11th Premier of Sarawak Environmental Award (PSEA) 2023/2024. This accolade highlights the company's unwavering commitment to sustainability, environmental protection, and the delivery of high-quality waste management services in the region.

Organised by the Natural Resources and Environment Board (NREB) Sarawak and the Sarawak Business Federation (SBF), the PSEA aims to recognise and celebrate organisations that exemplify exceptional environmental stewardship and actively embrace sustainable practices within their operations.

Expressing gratitude for the recognition, Trienekens Group CEO, Stephen Chin said, "This award is a testament to the hard work, passion, and resilience of our team. It is through their dedication that we continue to innovate and uphold high standards in environmental and waste management. We are deeply honoured to receive this recognition, which motivates us to further strengthen our commitment to sustainability.

"We are also sincerely grateful for the support, confidence, and trust placed in us by the government agencies, city councils, customers, and the community. Together, we will continue to collaborate and drive sustainable waste management practices for the greater good."

This milestone reinforces Trienekens' role as a responsible corporate citizen, committed to balancing economic growth with environmental preservation, and fostering a legacy of sustainability for future generations.

Trienekens telah merangkul Anugerah Emas bagi kategori Perusahaan Besar dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dalam Anugerah Alam Sekitar Premier Sarawak (PSEA) ke-11 yang berprestij bagi tahun 2023/2024. Pengiktirafan ini menyerlahkan komitmen berterusan syarikat terhadap kelestarian, perlindungan alam sekitar, dan perkhidmatan pengurusan sisa yang berkualiti tinggi di rantau ini.

Dianjurkan oleh Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) Sarawak dan Persekutuan Perniagaan Sarawak (SBF), PSEA bertujuan mengiktiraf serta meraikan organisasi yang menunjukkan kepimpinan cemerlang dalam penjagaan alam sekitar dan mengamalkan amalan lestari secara aktif dalam operasi mereka.

Meluahkan penghargaan atas pengiktirafan ini, CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin berkata, "Anugerah ini adalah bukti usaha gigih, semangat dan daya tahan pasukan kami. Dedikasi merekalah yang mendorong kami untuk terus berinovasi dan mengekalkan tahap yang tinggi dalam bidang alam sekitar dan pengurusan sisa. Kami amat berbesar hati menerima pengiktirafan ini, yang menjadi pemangkin untuk terus memperkukuh komitmen kami terhadap kelestarian.

"Kami juga amat menghargai sokongan, keyakinan dan kepercayaan yang telah diberikan kepada kami oleh agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, pelanggan dan komuniti. Bersama-sama, kita akan terus bekerjasama dan memacu amalan pengurusan sisa secara lestari demi kebaikan bersama."

Pencapaian ini mengukuhkan lagi peranan Trienekens sebagai warga korporat yang bertanggungjawab dan berkomited untuk mengimbangi pertumbuhan ekonomi dengan pemeliharaan alam sekitar serta memupuk legasi kelestarian untuk generasi akan datang.

Celebrating Earth Day 2025 - Our Power, Our Planet

Menyambut Hari Bumi 2025 - Kuasa Kita, Planet Kita



The Sarawak State-level Earth Day celebration took place on 21 April 2025 with the theme, “Our Power, Our Planet.” Organised by the Department of Environment (DOE) Sarawak, Trienekens is proud to have been one of the strategic partners for this impactful event, which was officiated by the Deputy Minister for Urban Planning, Land Administration and Environment, YB Datuk Haji Len Talif Salleh.

The celebration brought together key collaborators including the Natural Resources and Environment Board (NREB) Sarawak, Sarawak Department of Youth and Sports, Ministry of Health Malaysia Sarawak, Padawan Municipal Council (MPP), Politeknik Kuching, as well as several other agencies. This year’s theme underscores the collective influence individuals, communities, and nations have in shaping the planet’s future.

In the lead-up to Earth Day, a beach cleanup was carried out at Paradise Beach, Trombol involving the community of Kampung Trombol and students of Politeknik Kuching in an effort to nurture environmental stewardship while cleaning our local beaches.

The celebration also included awareness talks, a treasure hunt, a cake decorating competition and upcycling sculpture competition along with exhibitions by various agencies and corporate bodies as well as an electrical and electronic waste collection campaign (BEE) for the students, agencies and surrounding community run by Trienekens.

Sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Sarawak telah berlangsung pada 21 April 2025 dengan tema, “Kuasa Kita, Planet Kita”. Dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sarawak, Trienekens berasa bangga menjadi salah satu rakan strategik dalam acara yang penuh bermakna ini, yang telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar, YB Datuk Haji Len Talif Salleh.

Sambutan ini merupakan kerjasama pelbagai pihak utama termasuk Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) Sarawak, Jabatan Belia dan Sukan Sarawak, Kementerian Kesihatan Malaysia Sarawak, Majlis Perbandaran Padawan (MPP), Politeknik Kuching, serta beberapa agensi lain. Tema tahun ini menekankan pengaruh kolektif yang dimiliki oleh individu, komuniti dan negara dalam membentuk masa depan planet kita.

Menjelang Hari Bumi, satu aktiviti pembersihan pantai telah diadakan di Pantai Paradise, Trombol bersama komuniti Kampung Trombol dan para pelajar dari Politeknik Kuching dalam usaha memupuk semangat penjagaan alam sekitar sambil membersihkan pantai tempatan.

Selain itu, sambutan turut dimeriahkan dengan ceramah kesedaran alam sekitar, pencarian harta karun, pertandingan menghias kek, pertandingan arca dari bahan kitar semula, serta pameran oleh pelbagai agensi dan badan korporat dan juga sebuah kempen pengumpulan sisa elektrik dan elektronik (BEE) yang dijalankan oleh Trienekens untuk para pelajar, agensi-agensi dan komuniti sekeliling.



Trienekens Division Manager of RIM and HWI, Geoji Jusua giving an environmental awareness talk.

Pengurus Bahagian RIM dan HWI Trienekens, Geoji Jusua sedang memberi ceramah kesedaran alam sekitar.



Teams from DOE Sarawak, Trienekens, Politeknik Kuching and Trombol community members at Paradise Beach.

Pasukan dari JAS Sarawak, Trienekens, Politeknik Kuching dan ahli komuniti Trombol di Pantai Paradise.

Towards ESG Excellence Menuju Kecemerlangan ESG

Environmental, Social and Governance (ESG) principles are becoming a cornerstone of the waste management industry, shaping how businesses operate to ensure long-term environmental protection, social responsibility, and ethical governance. Recognising this, Trienekens and Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) recently met up to explore meaningful collaborations to advance ESG priorities for both parties through joint projects, academic-industry partnerships, student involvement, and the co-development of innovative solutions.

The meeting also offered greater clarity about current academic priorities, research focus areas, and capacity-building needs related to ESG. Trienekens Group CEO, Stephen Chin, welcomed the group who was led by Prof. Ts. Dr. Shanti Faridah bt. Salleh, Director, Institute of Sustainable and Renewable Energy (ISuRE).

Prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) kini menjadi asas utama dalam industri pengurusan sisa, membentuk cara perniagaan beroperasi bagi memastikan perlindungan alam sekitar jangka panjang, tanggungjawab sosial, dan tadbir urus yang beretika. Menyedari kepentingan ini, Trienekens dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) baru-baru ini mengadakan pertemuan bagi meneroka kerjasama bermakna untuk memajukan keutamaan ESG bagi kedua-dua pihak melalui projek bersama, kerjasama akademik-industri, penglibatan pelajar, serta pembangunan bersama penyelesaian inovatif.



Stephen (front row, left) and Dr. Shanti Faridah (front row, second left) along with team members from UNIMAS and Trienekens.

Stephen (barisan hadapan, kiri) dan Dr. Shanti Faridah (barisan hadapan, kedua kiri) bersama pasukan dari UNIMAS dan Trienekens.

Mesyuarat ini juga memberikan gambaran yang lebih jelas tentang keutamaan akademik semasa, bidang tumpuan penyelidikan, dan keperluan pembangunan kapasiti berkaitan ESG. CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin, telah mengalu-alukan kedatangan rombongan tersebut yang diketuai oleh Prof. Ts. Dr. Shanti Faridah bt. Salleh, Pengarah, Institut Tenaga Mampan dan Boleh Baharu (ISuRE).

Exploring Environmental Innovation at IRIS 2025/ Menerokai Inovasi Alam Sekitar di IRIS 2025

Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd recently participated in the IRIS (Inovasi, Rekacipta, Inspirasi dan Solusi) 2025 Carnival organised by Universiti Putra Malaysia Bintulu Campus (UPMKB) in collaboration with the Natural Resources and Environment Board (NREB) Sarawak.

The carnival brought together students, innovators, and industry players with one common goal: to spark ideas and inspire action for a greener future. Beyond raising awareness on pressing global issues like climate change, pollution, and waste, the event provided a creative stage for young minds to showcase practical and sustainable solutions.



Trienekens Bintulu Branch Department Manager, Doreen Lang (left) with the organising team from UPMKB.

Pengurus Jabatan Cawangan Trienekens Bintulu (kiri) bersama dengan pasukan penganjur dari UPMKB.

Trienekens joined the exhibition alongside other agencies, coming together as a collective voice to champion the message that environmental responsibility, green technology, and simple everyday actions can create a lasting impact for future generations.

Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd baru-baru ini telah menyertai Karnival IRIS (Inovasi, Rekacipta, Inspirasi dan Solusi) 2025 yang dianjurkan oleh Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) dengan kerjasama Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) Sarawak.

Karnival ini menghimpunkan para pelajar, inovator dan pemain industri dengan satu matlamat bersama: mencetuskan idea dan menginspirasi tindakan ke arah masa depan yang lebih hijau. Selain meningkatkan kesedaran mengenai isu global yang mendesak seperti perubahan iklim, pencemaran, dan sisa, acara ini turut menyediakan platform kreatif untuk golongan muda membentangkan penyelesaian yang praktikal dan mampan.

Trienekens menyertai pameran bersama agensi-agensi lain, bergabung sebagai satu suara kolektif untuk menyebarkan mesej bahawa tanggungjawab alam sekitar, teknologi hijau, dan tindakan harian yang mudah mampu memberi impak berkekalan kepada generasi akan datang.

Creating a Sustainable Future Together

Bersama Wujudkan Masa Depan Lestari

Trienekens' commitment to sustainability and continuous improvement reflects a strong awareness of today's environmental challenges. Through innovation and stakeholder engagement, we aim to foster joint efforts, share knowledge, and build strategic collaborations for better waste management and a greener future.

Komitmen Trienekens terhadap kelestarian dan penambahbaikan berterusan mencerminkan kesedaran yang tinggi terhadap cabaran alam sekitar masa kini. Melalui inovasi dan penglibatan bersama pihak berkepentingan, kami berusaha memupuk kerjasama, perkongsian ilmu dan kolaborasi strategik untuk pengurusan sisa yang lebih baik serta masa depan yang lebih hijau.

Visit by Environment Protection Department of Sabah Lawatan dari Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah

Trienekens recently welcomed a delegation from the Environment Protection Department (EPD) Sabah as part of the department's study to establish a scheduled waste management plan in Sabah. The visit, led by Madam Daisy Aloysius, EPD's Deputy Director, served as a knowledge-sharing session to support EPD's initiative in formulating a comprehensive plan, standard operating procedures and guidelines for scheduled waste handling in the state.

Trienekens telah menerima kunjungan delegasi daripada Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS) Sabah baru-baru ini sebagai sebahagian daripada kajian jabatan tersebut untuk mewujudkan satu pelan pengurusan sisa terjadual di Sabah. Lawatan yang diketuai oleh Timbalan Pengarah JPAS, Puan Daisy Aloysius, bertujuan untuk berkongsi ilmu bagi menyokong inisiatif JPAS merangka pelan pengurusan sisa terjadual yang menyeluruh, prosedur operasi standard dan garis panduan pengendalian sisa terjadual di negeri itu.



Visit by Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak Lawatan dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak



Trienekens recently welcomed a delegation from Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak to discuss a potential research collaboration in the area of sustainable waste and energy management. The visit focused on exploring opportunities for academic-industry partnership through joint studies and knowledge sharing. The group, led by Professor Ir Dr Juferi Idris, Deputy Rector of Research and Industry Network (third right), was welcomed by Trienekens Group Deputy CEO, Elvin Wee (third left).

Trienekens baru-baru ini menerima kunjungan delegasi dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak bagi membincangkan potensi kerjasama penyelidikan dalam bidang pengurusan sisa dan tenaga lestari. Lawatan tersebut menumpukan penerokaan peluang kerjasama antara akademik dan industri melalui kajian bersama dan perkongsian ilmu. Kumpulan tersebut, yang diketuai oleh Profesor Ir Dr Juferi Idris, Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri (ketiga kanan), disambut oleh Timbalan CEO Kumpulan Trienekens, Elvin Wee (ketiga kiri).

Visit by PTTEP Sabah Oil Limited and PTTEP Sarawak Oil Limited Lawatan dari PTTEP Sabah Oil Limited dan PTTEP Sarawak Oil Limited

PTTEP Sabah Oil Limited and PTTEP Sarawak Oil Limited recently visited Trienekens to review its processes and ensure alignment with contractual requirements through site observations and discussions. The engagement reflected both parties' commitment to regulatory compliance and operational integrity in support of ongoing and future needs. The delegation was led by Junior Ong, Senior Advisor for Support Base Operations (front row, second right), and welcomed by Trienekens Group CEO, Stephen Chin (front row, third right).

PTTEP Sabah Oil Limited dan PTTEP Sarawak Oil Limited baru-baru ini telah melawat Trienekens untuk menilai proses kerja dan memastikan pematuhan terhadap keperluan kontrak melalui pemerhatian tapak dan sesi perbincangan. Lawatan ini mencerminkan komitmen kedua-dua pihak terhadap pematuhan peraturan dan integriti operasi dalam menyokong keperluan semasa dan masa hadapan. Delegasi tersebut diketuai oleh Junior Ong, Penasihat Kanan Operasi Pangkalan Sokongan (barisan hadapan, kedua kanan), dan disambut oleh CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin (barisan hadapan, ketiga kanan).



Visit by Petra Energy Development/ Lawatan dari Petra Energy Development

Petra Energy Development Sdn Bhd recently visited Trienekens Headquarters to gain a better understanding on the scheduled waste transportation treatment and disposal services provided by the company. The discussion centred around waste management requirements for upcoming drilling activities in Sarawak, covering regulatory compliance, coordination procedures, and operational readiness. The delegation, led by Elizabeth James, Environment Manager (third right), was welcomed by Bintulu Branch Senior Manager, Patricia Susie Nyisong (third left) and Division Manager of Business Development, Jeremy Sim (second left).

Petra Energy Development Sdn Bhd telah mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat Trienekens baru-baru ini untuk memahami dengan lanjut tentang perkhidmatan pengangkutan, rawatan dan pelupusan sisa terjadual yang disediakan oleh syarikat. Perbincangan tertumpu kepada keperluan pengurusan sisa bagi aktiviti penggerudian yang akan datang di Sarawak, dan merangkumi pematuhan peraturan, prosedur penyelarasan dan tahap kesiapsediaan operasi. Delegasi tersebut, yang diketuai oleh Elizabeth James, Pengurus Alam Sekitar (ketiga kanan), telah disambut oleh Pengurus Kanan Cawangan Bintulu, Patricia Susie Nyisong (ketiga kiri) dan Pengurus Bahagian Pembangunan Perniagaan, Jeremy Sim (kedua kiri).



Visit by the Department of Agriculture Sarawak/ Lawatan dari Jabatan Pertanian Sarawak



A delegation from the Department of Agriculture Sarawak, led by Ts ChM Dr Yee Siew Fung, Research Officer (Molecular Biology) (second row, fourth left) visited the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) to gain a deeper understanding on the role of responsible waste management in preserving environmental sustainability and protecting public health. Welcomed by Simon Chow, General Manager of Treatment and Disposal (second row, fifth left), the session also focused on promoting best waste management and disposal practices in both household and office settings.

Sekumpulan pegawai dari Jabatan Pertanian Sarawak yang diketuai oleh Ts ChM Dr Yee Siew Fung, Pegawai Penyelidik (Biologi Molekul)

(barisan kedua, keempat kiri) telah melawat KIWMP untuk memahami peranan pengurusan sisa yang bertanggungjawab dalam pemeliharaan kelestarian alam sekitar dan perlindungan kesihatan awam. Disambut oleh Simon Chow, Pengurus Besar Bahagian Rawatan dan Pelupusan (barisan kedua, kelima kiri), sesi tersebut turut membincangkan cara mempromosi amalan-amalan mengurus dan melupus sisa yang betul di rumah dan juga di tempat kerja.

Visit by The Department of Health Sarawak/ Lawatan dari Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Trienekens recently hosted a visit from the Department of Health Sarawak, comprising of doctors, nurses, and medical assistants from across Malaysia, as part of a knowledge-sharing tour focused on occupational safety and health (OSH) practices in the waste management industry.

The delegation, led by Dr Nurul Akmal Bin Hamzah (front row, third left), learned about the company's safety measures, risk management strategies, and best practices that contribute to a safe and healthy working environment. The discussion also covered the unique OSH challenges in waste operations and how the company manages them.



Trienekens telah menerima kunjungan daripada Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak yang disertai oleh beberapa orang doktor, jururawat, dan penolong pegawai perubatan dari seluruh Malaysia. Kunjungan tersebut adalah sebahagian daripada program lawatan perkongsian ilmu yang menumpukan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) dalam industri pengurusan sisa.

Delegasi yang diketuai oleh Dr Nurul Akmal Bin Hamzah (barisan hadapan, ketiga kiri) mempelajari langkah-langkah keselamatan, strategi pengurusan risiko, dan amalan terbaik syarikat yang menyumbang kepada persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Perbincangan turut menyentuh cabaran KKP yang unik dalam operasi pengurusan sisa dan cara-cara syarikat menanganinya dengan berkesan.

Advancing Workplace Safety with the Digital A.C.T. System

Meningkatkan Keselamatan di Tempat Kerja dengan Sistem Digital A.C.T.

Maintaining a safe workplace begins with awareness. Even minor hazards—a wet floor, a cracked step, or misplaced tools—can lead to serious accidents if left unchecked. Identifying and addressing these issues early helps prevent incidents and ensures a secure work environment for all.

At Trienekens, workplace safety is a priority and a shared responsibility. A safe, orderly environment protects lives, supports productivity, and promotes peace of mind. Every employee is responsible for safety in their area and encouraged to report any condition that could put themselves or others at risk.

To strengthen this commitment, the Health, Safety and Environment (HSE) Division introduced the Accident Control Technique (A.C.T.) System in 2017—a proactive safety management tool designed to prevent incidents by identifying and eliminating unsafe acts and conditions early. The system fosters a strong safety culture by empowering employees to report hazards and suggest improvements. Through open communication and continuous monitoring, risks can be mitigated before they escalate into serious problems.

The company launched a digital version of the A.C.T. System, replacing the manual process. This advancement simplifies reporting, improves data analysis, and enables faster identification of safety trends and areas that require attention. With real-time insights, the company can respond quickly to emerging issues, ensuring a safer and more efficient workplace.

Ultimately, the A.C.T. System not only enhances workplace safety but also cultivates a culture of vigilance and continuous improvement. By embracing this proactive approach, Trienekens reinforces its commitment to making safety a top priority across all operations.

Menjaga keselamatan di tempat kerja bermula dengan kesedaran. Walaupun kelihatan remeh, bahaya-bahaya kecil seperti lantai basah, anak tangga yang retak, atau peralatan yang tidak disimpan dengan betul boleh mengakibatkan kemalangan

serius jika tidak ditangani. Mengenal pasti dan menangani isu-isu ini dari awal membantu mencegah insiden dan memastikan persekitaran kerja yang selamat untuk semua.

Di Trienekens, keselamatan di tempat kerja adalah keutamaan dan tanggungjawab bersama. Persekitaran yang selamat dan teratur bukan sahaja melindungi nyawa, malah menyumbang kepada produktiviti dan memberi ketenangan fikiran. Setiap kakitangan bertanggungjawab menjaga keselamatan di kawasan masing-masing dan digalakkan untuk melaporkan sebarang keadaan yang boleh membahayakan diri mereka atau orang lain.

Bagi memperkukuh komitmen ini, Bahagian Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE) telah melaksanakan sistem Teknik Kawalan Kemalangan (A.C.T.) pada tahun 2017—sebuah sistem pengurusan keselamatan proaktif yang dibina khas untuk mencegah insiden dengan cara mengenalpasti dan menghapus sebarang tindakan serta keadaan tidak selamat di tempat kerja dari peringkat awal. Sistem ini memupuk budaya keselamatan yang kukuh dengan memberi kuasa kepada pekerja untuk melaporkan bahaya dan mencadangkan penambahbaikan. Melalui komunikasi terbuka dan pemantauan yang berterusan, risiko dapat dikurangkan sebelum ia menjadi masalah besar.

Syarikat telah melancarkan versi digital Sistem A.C.T., menggantikan proses manual sebelum ini. Inisiatif ini memudahkan pelaporan, mempertingkatkan analisis data, dan membolehkan pengesanan awal terhadap trend keselamatan dan kawasan yang memerlukan perhatian. Dengan maklumat masa nyata, syarikat dapat bertindak balas dengan lebih pantas terhadap isu yang timbul, sekaligus memastikan tempat kerja yang lebih selamat dan cekap.

Utamanya, sistem A.C.T. bukan sahaja meningkatkan keselamatan tempat kerja tetapi juga membina budaya kewaspadaan dan penambahbaikan berterusan. Dengan pendekatan proaktif ini, Trienekens terus memperkukuh komitmennya untuk menjadikan keselamatan sebagai keutamaan dalam setiap operasi.

Speak Up for Safety! Speak Easy with A.C.T
Suarakan Untuk Keselamatan! A.C.T Memudahkan
Accident Control Technique (A.C.T)
Teknik Kawalan Kemalangan (A.C.T)

How to use? Follow the steps below:
 Bagaimana caranya? Ikuti langkah-langkah berikut:

- 1 Open your QR scanner app**
Buka aplikasi QR pengimbas peranti
- 2 Scan the QR code below**
Imbas kod QR di bawah
- 3 Fill in the form and attach the necessary photo**
Isi borang dalam talian dan lampirkan gambar diperlukan
- 4 Press the "Submit" button**
Tekan butang "Submit"

Scan here for online version.
 Imbas sini untuk versi dalam talian.

If you do not have an email address, please type in email address below in the form.
 Jika anda tidak mempunyai alamat e-mel, sila taip alamat e-mel di bawah dalam borang.

KSG : wilfred.jalliger@trienekens.com.my
 KWNP : ehia.jane@trienekens.com.my / ehia.jane@trienekens.com.my
 BTU : alexander.apan@trienekens.com.my

Improving Efficiency Through Audits

Meningkatkan Kecekapan Melalui Audit

Audits play a critical role in supporting efficient operations, ensuring compliance, and strengthening stakeholder confidence. Trienekens participates in audits regularly to align with strict standard operating procedures, regulatory bodies, and customer requirements.

Audit memainkan peranan penting dalam menyokong kecekapan operasi, memastikan pematuhan, dan mengukuhkan keyakinan pihak berkepentingan. Trienekens terlibat di dalam audit secara berkala bagi memastikan pematuhan terhadap prosedur operasi standard yang ketat, badan-badan perundangan, dan keperluan pelanggan.

Industrial Hygiene Audit by Department of Occupational Safety and Health (DOSH) Sarawak

Pemeriksaan Higien Industri oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Sarawak



DOSH Sarawak recently carried out an industrial hygiene inspection at Trienekens' Headquarters, Depot, and KIWMP. The inspection was led by Head of Section, Industrial Hygiene, Calvin Chin (second right), and Assistant Factory and Machinery Inspector, Sirajuddin bin Mohamed (second left). The inspection focused on ensuring compliance with occupational health and safety regulations, particularly in the areas of ergonomics, noise exposure, and chemical management, in line with DOSH requirements.

JKKP Sarawak baru-baru ini telah menjalankan pemeriksaan higien industri di Ibu Pejabat dan Depot Trienekens serta di KIWMP. Pemeriksaan tersebut diketuai oleh Ketua Seksyen, Higien Industri, Calvin Chin (kedua kanan) dan Penolong Pemeriksa Kilang dan Jentera, Sirajuddin bin Mohamed (kedua kiri). Ia memberi tumpuan kepada pematuhan terhadap peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, khususnya dalam aspek ergonomik, pendedahan bunyi, dan pengurusan bahan kimia, selaras dengan keperluan JKKP.

Technical Visit by Department of Environment (DOE) Putrajaya

Lawatan Teknikal dari Jabatan Alam Sekitar (JAS) Putrajaya

The Department of Environment (DOE) Putrajaya and DOE Sarawak recently conducted a technical visit to KIWMP as part of the agencies' on-site assessment and verification under the Environmental Quality (Prescribed Activities) (Environmental Impact Assessment) Order 2015.

Through the visit, the working group gained better insights on the proposed project site and verified details of the relevant EIA Report. The delegation was led by YBrs. Puan Rohimah binti Ayub, Director of the Assessment Evaluation Division (front row, centre), accompanied by section heads from DOE Headquarters, DOE Sarawak, and appointed EIA consultants. The group was warmly welcomed by Trienekens' COO, Alice Lee (front row, fourth right), along with other team members.



Jabatan Alam Sekitar (JAS) Putrajaya dan JAS Sarawak baru-baru ini telah mengadakan lawatan teknikal ke KIWMP sebagai sebahagian daripada penilaian dan pengesahan tapak di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Ditetapkan) (Penilaian Kesan Alam Sekeliling) 2015.

Menerusi lawatan tersebut, kumpulan berkenaan telah memahami dengan lebih jelas mengenai cadangan projek di tapak tersebut dan mengesahkan maklumat yang dinyatakan dalam Laporan EIA. Delegasi tersebut diketuai oleh YBrs. Puan Rohimah binti Ayub, Pengarah Bahagian Penilaian Kajian (barisan hadapan, tengah), bersama ketua-ketua seksyen dari Ibu Pejabat JAS, JAS Sarawak serta perunding EIA yang dilantik. Rombongan telah disambut mesra oleh COO Trienekens, Alice Lee (barisan hadapan, keempat kanan), bersama ahli-ahli pasukan yang lain.

Smart Money Talk with AKPK

Bicara Bijak Wang Bersama AKPK



Senior Executive from Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Ms. Ameza Afifah Binti Faizal (seated, fifth right) and Trienekens Group Division Manager of Human Resources, Clare Kho (seated, fourth right) together with the participants of the talk.

Pegawai Kanan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Cik Ameza Afifah Binti Faizal (duduk, kelima kanan) dan Pengurus Bahagian Sumber Manusia Kumpulan Trienekens, Clare Kho (duduk, keempat kanan) bersama peserta ceramah.

Smart personal financial planning is the key to taking charge of our money and securing our future. Recently, the company's Human Resource Division organised a financial education talk by Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) on smart personal financial management, aimed at enhancing employees' knowledge in managing their finances. AKPK's speaker, Ms. Ameza Afifah Binti Faizal, shared valuable insights on topics such as budgeting, debt management, emergency savings, and retirement planning.

Drawing on real-life cases handled by AKPK, the session focused on three key pillars of personal finance: cash flow management, responsible borrowing, and effective debt management. Participants learned how to shape positive financial behaviours, set realistic goals, and optimise wealth creation for long-term sustainability.

Ms. Ameza also shared strategies for budgeting based on income, offering practical tips on aligning expenses with earnings while prioritising savings. The session further highlighted the impact of financial stress on mental health, underscoring the importance of early intervention and informed decision-making.

Participants also explored the role of financial literacy in achieving independence, with an emphasis on continuous learning about personal finance, investment options, and financial tools.



Clare Kho, Trienekens' Group Division Manager of Human Resources (right) presenting a token of appreciation to Ms. Ameza at the end of the session.

Clare Kho, Pengurus Bahagian Sumber Manusia Kumpulan Trienekens (kanan) menyampaikan tanda penghargaan kepada Cik Ameza pada akhir sesi.

By investing in financial education, we not only empower our employees to make sound money decisions but also foster a more focused, confident, and productive workforce.

Perancangan kewangan peribadi yang bijak adalah kunci untuk mengawal wang kita dan memastikan masa depan yang terjamin. Baru-baru ini, Bahagian Sumber Manusia syarikat telah menganjurkan satu sesi ceramah pendidikan kewangan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) mengenai pengurusan kewangan peribadi yang bijak, bertujuan meningkatkan pengetahuan pekerja dalam menguruskan kewangan mereka. Penceramah AKPK, Cik Ameza Afifah Binti Faizal, telah berkongsi pandangan berharga tentang penyediaan bajet, pengurusan hutang, simpanan kecemasan, dan perancangan persaraan.

Merujuk kepada kes-kes sebenar AKPK, sesi ini menekankan tiga tonggak utama kewangan peribadi iaitu pengurusan aliran tunai, pinjaman secara bertanggungjawab, dan pengurusan hutang yang berkesan. Peserta mempelajari cara membentuk tingkah laku kewangan yang positif, menetapkan matlamat yang realistik dan mengoptimalkan pembinaan kekayaan demi kemampaan jangka panjang.

Cik Ameza turut berkongsi strategi penyediaan bajet mengikut pendapatan, dengan memberi tip-tip praktikal tentang cara mengurus perbelanjaan dengan pendapatan sambil mengutamakan simpanan. Sesi ini juga menyentuh kesan tekanan kewangan terhadap kesihatan mental, sekali gus menggariskan kepentingan intervensi awal dan membuat keputusan yang berinformasi.

Peserta turut meneroka peranan kecekapan kewangan dalam mencapai kebebasan kewangan, dengan mempelajari tentang kewangan peribadi, pilihan pelaburan dan alat kewangan.

Dengan melabur dalam pendidikan kewangan, para pekerja bukan sahaja dapat memperkasakan diri untuk membuat keputusan kewangan yang bijak, tetapi juga memupuk daya kerja yang lebih fokus, yakin, dan produktif.

Empowering Excellence Through Training

Meningkatkan Kecemerlangan Melalui Latihan

As part of its ongoing commitment to workforce development, Trienekens' Human Resources Division organised a series of training programmes focused on upskilling employees. With a focus on both technical and behavioural skills, the programmes aimed to equip employees with stronger capabilities and better prepare them to meet the demands of their roles.

Sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan terhadap pembangunan tenaga kerja, Bahagian Sumber Manusia Trienekens telah menganjurkan beberapa siri latihan yang bertujuan meningkatkan kemahiran para pekerja. Dengan penekanan terhadap kemahiran teknikal dan perlakuan, program-program ini bertujuan mengukuhkan kecekapan para pekerja serta membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab dalam peranan masing-masing.

Skip Bin Operation Training/ Latihan Pengendalian Tong Skip



Mr. Chen (third left) explaining the skip bin operation to the drivers.
En. Chen (ketiga kiri) menerangkan operasi tong skip kepada para pemandu.

At Trienekens, we equip our teams with training to support our goal of delivering innovative waste management solutions. Recently, a team of RoRo drivers underwent a training on the safe handling and operation of the company's new skip bin. The training, conducted by Mr. Chen Kok Ping, General Manager of Dai Max Automobile Sdn Bhd, covered safety, loading, operation, and maintenance, enhancing the team's capabilities on-site.

Di Trienekens, kami melengkapi pasukan kami dengan latihan bagi menyokong matlamat untuk menyediakan penyelesaian pengurusan sisa yang inovatif. Baru-baru ini, pasukan pemandu RoRo telah mengikuti latihan mengenai pengendalian dan operasi selamat tong skip baharu syarikat. Latihan yang dikendalikan oleh Encik Chen Kok Ping, Pengurus Besar Dai Max Automobile Sdn Bhd ini merangkumi aspek keselamatan, pemuatan, operasi, dan penyelenggaraan, sekali gus meningkatkan keupayaan pasukan di tapak.



Authorised Entrant & Standby Person for Confined Space Training

Latihan Orang Yang Dibenarkan Masuk & Orang Menjaga bagi Ruang Terkurung



Mr. Jafar Sedek @ Matarang Bin Ombit, NIOSH trainer (third left) during the practical session with the participants.

En. Jafar Sedek @ Matarang Bin Ombit, Jurulatih NIOSH (ketiga kiri) semasa sesi praktikal bersama para peserta.

Several operational team members from the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) recently completed the Authorised Entrant & Standby Person for Confined Space training, aimed at enhancing safe work practices in confined environments. The session covered critical topics including hazard recognition, risk control, proper PPE usage, and emergency procedures. Participants also gained hands-on experience in both entrant and standby roles. This training plays an important role in strengthening regulatory compliance and reinforcing a strong safety culture across the organisation.

Beberapa anggota pasukan operasi dari KIWMMP baru-baru ini menamatkan Latihan Orang Yang Dibenarkan Masuk & Orang Menjaga bagi Ruang Terkurung bagi meningkatkan amalan kerja selamat di ruang terkurung. Latihan ini merangkumi topik penting seperti pengenalan bahaya, kawalan risiko, penggunaan PPE yang betul serta prosedur kecemasan. Para peserta turut menjalani latihan praktikal bagi memahami peranan sebagai peserta yang diberi kuasa dan orang pemantau. Latihan ini amat penting dalam memastikan pematuan terhadap peraturan keselamatan dan memupuk budaya kerja selamat dalam organisasi.

Saving Lives with BLS Training/ Selamatkan Nyawa Melalui Latihan BLS

Learning lifesaving skills empowers individuals to respond effectively in emergencies. Trienekens' Bintulu Branch team recently underwent a valuable Basic Life Support (BLS) training course conducted by Dr. Lee Yuen Teck, Medical Officer and Occupational Health Doctor from Columbia Asia Hospital, Bintulu. The hands-on session equipped participants with essential skills to recognise signs of cardiac arrest, respiratory distress, and choking. They also practised delivering high-quality CPR, using an Automated External Defibrillator (AED), and managing airways effectively. The training emphasised the importance of teamwork and clear communication, boosting confidence and preparedness during critical situations.

Mempelajari kemahiran menyelamatkan nyawa memberi keyakinan kepada individu untuk bertindak dengan berkesan dalam situasi kecemasan. Baru-baru ini, pasukan Cawangan Trienekens Bintulu telah menjalani kursus latihan Basic Life Support (BLS) yang dikendalikan oleh Dr. Lee Yuen Teck, Pegawai Perubatan dan Doktor Kesihatan Pekerjaan dari Hospital Columbia Asia, Bintulu. Sesi latihan praktikal ini membekalkan peserta dengan kemahiran penting seperti mengenal pasti tanda-tanda henti jantung, kesukaran bernafas, dan tercekik. Mereka turut berlatih memberi CPR berkualiti tinggi, menggunakan Automated External Defibrillator (AED), dan mengendalikan saluran pernafasan dengan berkesan. Latihan ini turut menekankan kepentingan kerjasama pasukan dan komunikasi yang jelas, sekaligus meningkatkan keyakinan dan kesiapsiagaan dalam situasi kritikal.



Dr. Lee from Columbia Asia Hospital, Bintulu (far left) with the participants from Trienekens Bintulu Branch.

Dr. Lee dari Hospital Columbia Asia, Bintulu (hujung kiri) bersama peserta dari Cawangan Trienekens Bintulu.

Driving Toward Safety With Sipco/ Memandu Ke Arah Keselamatan Bersama Sipco



SAFE DRIVING...Participants and trainers completing their training course. Seated from left are Division Manager for Logistics Operations, Hafizah Hamdan, Sipco Trainer, Nick Lee, Department Manager for Logistics Operations II, Hilary ak Empati, and Sipco Trainer, Samail Bin Jamin. **PEMANDUAN SELAMAT...** Para peserta dan jurulatih menamatkan kursus latihan mereka. Duduk dari kiri ialah Pengurus Bahagian Operasi Logistik, Hafizah Hamdan, Jurulatih Sipco, Nick Lee, Pengurus Jabatan Operasi Logistik II, Hilary ak Empati, dan Jurulatih Sipco, Samail Bin Jamin.

Driving long distances in a heavy vehicle requires a high level of skill, focus, and concentration. Recently, Trienekens' scheduled waste transportation team participated in a defensive driving training session conducted by Sipco Sdn Bhd. During the session, the team was trained to identify various types of road risks and enhance their hazard awareness, particularly in high-risk areas. By improving their defensive driving techniques, the drivers are now better equipped to anticipate potential dangers and respond appropriately, helping to reduce the risk of accidents.

Memandu jarak jauh menggunakan kenderaan berat memerlukan tahap kemahiran, fokus, dan tumpuan yang tinggi. Baru-baru ini, pasukan pengangkutan sisa terjadual Trienekens telah menyertai sesi latihan pemanduan defensif yang dikendalikan oleh Sipco Sdn Bhd. Sepanjang latihan, pasukan ini dilatih untuk mengenal pasti pelbagai jenis risiko jalan raya dan meningkatkan tahap kesedaran terhadap bahaya, terutamanya di kawasan berisiko tinggi. Dengan mempertingkatkan teknik pemanduan defensif mereka, para pemandu kini lebih bersedia untuk menjangka bahaya yang mungkin berlaku dan bertindak balas dengan sewajarnya bagi mengurangkan risiko kemalangan.

Mastering Technical and Business Writing/ Menguasai Penulisan Teknikal dan Perniagaan



Mr. G. Sivalingam from MRS Management with Trienekens team who underwent both the technical and business writing training. **En. G. Sivalingam dari MRS Management bersama pasukan Trienekens yang telah menjalani kedua-dua latihan penulisan teknikal dan perniagaan.**

Effective technical and business writing not only facilitates collaboration among team members but also strengthens client relationships. Recently, several Trienekens employees attended a specialised training programme aimed at improving workplace communication. The training was conducted in two sessions: the Technical Report Writing Skills session (left), which focused on structuring clear, analytical reports to support informed decision-making; and the Business Writing Skills session (right), which equipped participants with techniques for crafting concise, audience-focused documents using appropriate tone, grammar, and formatting. The two-day training was conducted by Mr. G. Sivalingam from MRS Management Sdn. Bhd.

Penulisan teknikal dan perniagaan yang berkesan bukan sahaja memudahkan kerjasama antara ahli pasukan, malah turut memperkukuh hubungan dengan pelanggan. Baru-baru ini, beberapa kakitangan Trienekens telah menghadiri program latihan khas yang bertujuan untuk meningkatkan komunikasi di tempat kerja. Latihan ini dijalankan dalam dua sesi: sesi Kemahiran Penulisan Laporan Teknikal (kiri), yang memberi tumpuan kepada penyusunan laporan yang jelas dan analitikal bagi menyokong proses membuat keputusan yang berinformasi; dan sesi Kemahiran Penulisan Perniagaan (kanan), yang melengkapkan peserta dengan teknik untuk menghasilkan dokumen yang ringkas, berfokus kepada audiens serta menggunakan nada, tatabahasa dan format yang sesuai. Latihan dua hari ini telah dikendalikan oleh En. G. Sivalingam dari MRS Management Sdn. Bhd.

Supporting the Community

Menyokong Komuniti

Trienekens is committed to driving positive environmental change and community well-being through its CSR and sustainability efforts that support public health, safety, and green living.

Trienekens berkomited mendorong perubahan alam sekitar yang positif dan kesejahteraan komuniti melalui usaha CSR dan kelestarian yang menyokong kesihatan awam, keselamatan, dan gaya hidup lestari.



General Manager of HSE, Harris ak. Michael Deho, presenting the company's contribution to representatives of Kuching Choral Society in support of the International Choral Festival 2025.

Pengurus Besar HSE, Harris ak. Michael Deho, menyerahkan sumbangan syarikat kepada wakil Persatuan Paduan Suara Kuching sempena "International Choral Festival 2025".



Division Manager of Finance, Cassie Liew, presenting the company's contribution to a representative from PPDK Mambong to facilitate operations and support the new rehabilitation centre.

Pengurus Bahagian Kewangan, Cassie Liew, menyerahkan sumbangan syarikat kepada wakil dari PPDK Mambong bagi membantu kelancaran operasi dan menyokong pusat pemulihan baharu.



Division Manager of Corporate Communications, Janet Balong, presenting the company's contribution to a representative from PERKATA Special School in support of the 2025 PERKATA Jogathon.

Pengurus Bahagian Komunikasi Korporat, Janet Balong, menyampaikan sumbangan syarikat kepada wakil dari Sekolah Khas PERKATA sempena Jogathon PERKATA 2025.



Division Manager of Logistics Operations, Hafizah Hamdan, presenting the company's contribution to a representative from BIRU Belia & GSM Kampung Sungai Tapang in support of their Pre-Gawai Event.

Pengurus Bahagian Operasi Logistik, Hafizah Hamdan, menyerahkan sumbangan syarikat kepada wakil BIRU Belia & GSM Kampung Sungai Tapang sempena Program Pra-Gawai mereka.



Division Manager of Environment Research & Development, Dayang Sherrynazra, presenting electrical hampers to representatives of Kampung Sikog for their Pre-Gawai Celebration.

Pengurus Bahagian Penyelidikan & Pembangunan Alam Sekitar, Dayang Sherrynazra, menyerahkan hamper elektrik kepada wakil-wakil Kampung Sikog sempena Sambutan Pra-Gawai mereka.

Safe Homes with Smart Disposal of Other Household Waste (OHW)

Rumah Selamat Melalui Pelupusan Sisa Domestik Lain (OHW) Bijak



Lubricant containers, paint cans, and printer ink cartridges collected during the campaign.
Bekas pelincir, tin cat, dan kartrij dakwat pencetak yang dikumpul semasa kempen.

Every day, households generate small amounts of harmful waste such as used batteries, empty aerosol cans, or spent fluorescent tubes that may seem harmless but in reality, contain hazardous substances. When improperly discarded into regular bins, these items risk contaminating the environment and endangering public health.

To address this, Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd introduced the Other Household Waste (OHW) campaign in early 2025. The campaign enables the public to safely manage and dispose of their household hazardous waste through a more accessible and regulated system.

Harmful items categorised under OHW include small lithium batteries, spent fluorescent tubes, aerosol cans, empty lubricant and paint containers, and pesticide containers, all of which require special handling. Improper disposal can result in the leaching of toxic substances into landfills, waterways, and surrounding communities.

According to the Natural Resources and Environment Board (NREB) Sarawak, these types of household waste accounts for approximately 4.2 per cent of domestic waste disposed of daily in landfills, highlighting the urgent need for safer disposal solutions. The OHW campaign addresses this by raising awareness, encouraging responsible habits, and providing the necessary infrastructure to support proper waste segregation and treatment.

“This campaign allows us to systematically remove hazardous items from the general waste stream and dispose of them using prescribed methods that minimise environmental risks. It’s a practical step forward for safer, more sustainable waste management,” said Trienekens Group CEO, Stephen Chin.

To broaden the campaign’s reach and promote active participation, Trienekens collaborated with local councils to enhance public awareness and access. Dedicated drop-off points will be provided to enable residents to dispose of their hazardous household items conveniently and safely. The first OHW collection campaign was launched and integrated as part of the e-waste collection campaign by Padawan Municipal Council (MPP) in March. The campaign was subsequently adopted by the Commission of the City of Kuching North (DBKU), reflecting a growing commitment at the municipal level to improve hazardous waste management.

The OHW campaign ensures that the local communities receive clear guidance and equal access to safe, responsible disposal of their hazardous household waste in support of a shared goal to protect public health and the environment.

Members of the public are encouraged to contact Trienekens Hotline at 082-612300 to find more about the campaign.

Setiap hari, kebanyakan rumah menghasilkan sejumlah kecil sisa berbahaya seperti bateri terpakai, tin aerosol kosong, atau tiub pendarfluor yang telah habis digunakan. Pada zahirnya, ia mungkin kelihatan tidak berbahaya tetapi ia mengandungi bahan yang memudaratkan. Apabila dibuang secara tidak betul ke dalam tong sampah biasa, sisa-sisa ini boleh mencemarkan alam sekitar dan membahayakan kesihatan awam.

Untuk mengatasi isu ini, Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd telah melancarkan Kempen Sisa Domestik Lain (OHW) pada awal tahun 2025. Kempen ini membolehkan orang awam mengurus dan melupuskan sisa domestik berbahaya mereka dengan lebih selamat melalui sistem yang lebih mudah diakses dan terkawal.

Sisa berbahaya yang dikategorikan sebagai OHW termasuk bateri litium kecil, tiub pendarfluor terpakai, tin aerosol, bekas pelincir dan cat kosong, serta bekas racun perosak, yang kesemuanya memerlukan pengendalian khas. Pelupusan yang tidak betul boleh menyebabkan bahan toksik meresap ke dalam tapak pelupusan, sistem saliran, dan kawasan persekitaran.

Menurut Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) Sarawak, jenis sisa rumah ini merangkumi kira-kira 4.2 peratus daripada jumlah sisa domestik yang dilupuskan setiap hari ke tapak pelupusan, sekali gus menunjukkan keperluan mendesak untuk penyelesaian pelupusan yang lebih selamat. Kempen OHW menangani isu ini dengan meningkatkan kesedaran, menggalakkan tabiat bertanggungjawab, dan menyediakan infrastruktur yang diperlukan untuk menyokong pengasingan dan rawatan sisa yang betul.

“Melalui kempen ini, kami dapat mengeluarkan bahan berbahaya secara sistematik daripada aliran sisa am dan melupuskannya menggunakan kaedah yang ditetapkan, yang dapat mengurangkan risiko terhadap alam sekitar. Ia adalah langkah praktikal ke arah pengurusan sisa yang lebih selamat dan lestari,” kata CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin.

Bagi memperluas jangkauan kempen ini dan menggalakkan penyertaan aktif, Trienekens telah bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan bagi meningkatkan kesedaran serta kemudahan akses dalam kalangan orang awam. Tempat pengumpulan khas akan disediakan bagi membolehkan penduduk melupuskan barangan rumah berbahaya mereka dengan mudah dan selamat. Kempen pengumpulan OHW yang pertama telah dilancarkan dan digabungkan sebagai sebahagian daripada kempen pengumpulan e-waste oleh Majlis Perbandaran Padawan (MPP) pada bulan Mac. Kempen ini kemudiannya telah dijalankan oleh Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), mencerminkan komitmen yang semakin meningkat di peringkat majlis tempatan terhadap mewujudkan pengurusan sisa berbahaya yang lebih baik di kawasan-kawasan bawah bidang kuasa mereka.

Kempen OHW memastikan ahli komuniti menerima panduan yang jelas dan akses yang sama rata terhadap sisa berbahaya rumah mereka dengan selamat dan bertanggungjawab demi melindungi kesihatan awam dan alam sekitar bersama.

Orang awam digalakkan untuk menghubungi Trienekens di talian Hotline 082-612300 untuk mengetahui lebih lanjut tentang kempen tersebut.



New Team Members / Tenaga Kerja Baru

Kuching Headquarters & Depot/ Ibu Pejabat Kuching & Depot



**Jonathan Loh
Tuong Seng**
Executive, Finance
Eksekutif, Kewangan

Bintulu Branch/ Cawangan Bintulu



**Ferdenand Bilong
Anak Nevada**
Supervisor, Scheduled
Waste Operations
*Penyelia, Operasi Sisa
Terjadual*



**Daniel Anak
George Mike**
General Operations
Assistant 1
*Pembantu Operasi
Am 1*

Spot The Difference / Carikan Perbezaan

Spot and circle all 10 differences in the photos below and stand a chance to win a pair of Sony Wireless Bluetooth Headphones.

Cari dan bulatkan kesemua 10 perbezaan di dalam gambar-gambar berikut dan berpeluang memenangi sepasang Fon Kepala Bluetooth Mudah Alih Sony.



Congratulations to Gary Ak Herry @ Harry, winner of last issue's Spot the Difference contest. He brought home a JBL GO 3 Portable Waterproof Speaker!

Tahniah kepada Gary Ak Herry @ Harry, pemenang peraduan Cari Perbezaan isu lepas. Beliau membawa balik Pembesar Suara Kalis Air Mudah Alih JBL GO 3!

Please send in your entry to the following address before **15 October 2025**. Late entries will not be entertained.

*Sila kembalikan penyertaan anda ke alamat berikut sebelum **15 Oktober 2025**. Penyertaan lewat tidak akan dilayan.*

**Corporate Communications Division,
Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd.
216 Jalan Sungai Tapang,
Lot 2040 Block 15 MTLD,
93250 Kuching, Sarawak.**

Personal Details/ Butiran Peribadi

All the terms stated in Trienekens Terms of Use, Privacy Policy and Personal Data Protection Notice are applicable: <http://trienekens.com.my/terms-of-use-and-privacy-policy/>. By completing this form, you are deemed to be aware and consent to Trienekens Terms of Use, Privacy Policy and Personal Data Protection Notice.

Semua terma yang dinyatakan dalam Syarat-syarat Penggunaan, Dasar Privasi dan Notis Perlindungan Data Peribadi Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd adalah digunakan: <http://trienekens.com.my/terms-of-use-and-privacy-policy/>. Dengan melengkapkan borang ini, anda dianggap memahami dan bersetuju dengan Syarat-syarat Penggunaan, Dasar Privasi dan Notis Perlindungan Data Peribadi Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd.

Name/Nama

IC No./No. KP

Are you a Trienekens' Staff?/Adakah anda pekerja Trienekens? ☐ Yes/Ya ☐ No/Tidak

(If yes / Jika ya) Trienekens' Employee No. / No. Pekerja Trienekens:

Address/Alamat

Tel. No./No. Tel



Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd. 199901010396 (485296-V)
Your Trusted Partner In Environmental Management

Headquarters (Kuching)

216 Jalan Sungai Tapang,
Lot 2040 Block 15 MTLD,
93250 Kuching,
Sarawak, Malaysia.
Tel : +6082 610700
Hotline : +6082 612300
Fax : +6082 620120
Email : customercare@trienekens.com.my

Bintulu Branch & Depot

Lot 4034 Block 26,
Kemena Land District,
Kidurong Light Industrial Estate,
Jalan Tanjung Kidurong
97000 Bintulu,
Sarawak, Malaysia.
Tel : +6086 253959
Fax : +6086 253115
Email : customercare@trienekens.com.my

www.trienekens.com.my